

Keselamatan sekolah tahfiz dibincang

➔ 6 cadangan dibentang pada mesyuarat Kabinet hari ini

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas Khas Sekolah-Sekolah Tahfiz semalam membuat enam syor dalam usaha menaik taraf sekolah tahfiz di seluruh negara, termasuk soal keselamatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mempengerusikan mesyuarat itu berkata, cadangan itu turut dibincangkan pada mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam

(MKI) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, petang semalam dan akan dibentangkan pada mesyuarat Kabinet hari ini untuk kelulusan.

Enam syor itu adalah seperti berikut:

→ Meminda Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) untuk memasukkan soal pendaftaran sekolah agama swasta;

→ Mewujud kerangka kriteria kelulusan bagi pembentukan dan pengurusan maahad tahfiz seluruh negara dengan spesifikasi piawaiian oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta lain-lain agensi penguatkuasaan;

→ Pematuhan piawaiian minimum keselamatan dan kesihatan setiap premis maahad tahfiz, termasuk rumah anak yatim, sekolah agama, tadika dan pusat jagaan kanak-kanak dan orang tua;

→ Penubuhan bomba sukarela di premis tahfiz, sekolah agama, ta-

dika pusat jagaan kanak-kanak dan orang tua;

→ Pendaftaran maahad tahfiz diselenggarakan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan supaya tidak timbul soal prasangka pengambilan dan pertindihan kuasa antara kedua-dua pihak, dan

Pentadbiran diselaras

→ Pengawalan dan tanggungjawab bersama kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk menyelenggarakan pentadbiran dan penyaluran kewangan jika perlu kepada sekolah tahfiz.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) itu jika diluluskan Kabinet, akan dibentangkan pada sidang Dewan Rakyat untuk diluluskan, bertujuan membolehkan aspek pendaftaran sekolah agama swasta dimasukkan dalam akta berkenaan.

"Ia bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan memiliki kuasa un-

tuk menyelaras pentadbiran dan memberi bantuan kewangan kepada sekolah terbabit. Kita akan bertemu dengan kerajaan negeri bagi memaklumkan syor dan mendapatkan persetujuan pindaan akta itu. Pengurusan sekolah berkenaan berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas Khas Sekolah-Sekolah Tahfiz, semalam.

Jawatankuasa itu ditubuhkan, baru-baru ini berikutan tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah awal pagi Khamis lalu yang mengorbankan 21 pelajar dan dua warden.

Ahmad Zahid berharap pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dipersetujui kerajaan negeri kerana ia untuk menambah baik sekolah tahfiz.

Katanya, pendaftaran maahad tahfiz juga akan diselenggarakan di

antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan supaya tidak timbul soal prasangka pengambilan dan pertindihan kuasa antara kedua-dua pihak.

Kempen kesedaran

Beliau berkata selain mengesyorkan penubuhan bomba sukarela di setiap premis maahad tahfiz, kempen kesedaran secara besar-besaran di bawah kendalian Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) bersama bomba serta PBT turut diadakan.

Katanya, ketika ini ada 941 maahad tahfiz swasta dan keseluruhan 150,000 pelajar berdaftar dengan Persatuan Madrasah Tahfiz Malaysia.

Daripada jumlah itu, katanya, yang berdaftar dengan pihak berkuasa negeri dan Kementerian Pendidikan 612, manakala 329 maahad tahfiz lagi tidak berdaftar.